

Isu kes pukul: Dr. Mahathir akan temui Sanusi

UM - 8 MAY 2000

KUALA LUMPUR 7 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan menemui sendiri Tan Sri Sanusi Junid bagi mendapatkan maklumat sebenar berhubung kes pukul yang berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), awal pagi kelmarin.

Perdana Menteri berkata, hanya selepas mendapat maklumat daripada bekas Menteri Besar Kedah itu barulah beliau akan memikirkan bentuk tindakan yang sesuai.

“Terlebih dahulu saya ingin tahu daripada Tan Sri Sanusi apa sebenarnya berlaku dan selepas itu kita akan fikir apa yang perlu dibuat,” katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah Larian Piala Thomas/Uber 2000 di Dataran Merdeka, hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan Sanusi yang dikatakan telah memukul dan menendang dua pekerja KLIA pada pukul 12.30 tengah malam kelmarin kerana lambat menyediakan kerusi untuk kegunaan ibu saudaranya yang uzur dan baru sampai dari Singapura.

Dalam kejadian tersebut, pekerja berusia 24 dan 25 tahun itu mendakwa telah ditampar dan ditendang oleh Sanusi yang sangat marah akibat kelewatan itu.

Kedua-dua pekerja berkenaan telah membuat laporan polis berhubung kejadian itu selepas merujuk kepada majlikannya.

Ditanya tindakan yang boleh diambil oleh UMNO memandangkan Sanusi masih seorang ahli Majlis Tertinggi (MT), Dr. Mahathir berkata, ia terpulang kepada MT.

Pada masa ini pihak polis sedang menunggu perintah daruada Timbalan Pendakwa Raya untuk memanggil Sanusi yang juga Presiden Universiti Islam Antarabangsa (UIA), bagi memberi keterangan berhubung kejadian itu.